

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA**  
**[BATU]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jumlah kos operasi Klinik 1Malaysia untuk tiga tahun yang lalu. Senaraikan mengikut klinik dan kos operasi setiap klinik mengikut kategori masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos operasi setiap Klinik 1Malaysia adalah berbeza-beza bergantung kepada lokasi klinik, kadar sewaan premis, beban kedatangan pesakit dan skop perkhidmatan yang disediakan. Contohnya, klinik yang menyediakan perkhidmatan pegawai perubatan dan perkhidmatan pergigian akan memerlukan kos yang lebih tinggi dari klinik yang hanya memberikan perkhidmatan rawatan perubatan ringan.

Secara purata, Klinik 1Malaysia di Pusat Transformasi Luar Bandar atau Rural Transformation Centre, RTC beroperasi dengan kos RM 125,000 setahun manakala Klinik 1Malaysia di Pusat Transformasi Bandar atau Urban Transformation Centre, UTC beroperasi dengan kos sehingga

RM 300,000 setahun. Klinik 1Malaysia yang lain beroperasi pada purata kos operasi RM 200,000 setahun bergantung kepada skop perkhidmatan yang disediakan dan beban pesakit.